



**BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENILAIAN KERTAS CADANGAN
BERKAITAN AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN
KOMPLEMENTARI**

1. OBJEKTIF

Tujuan dokumen ini adalah untuk mewujudkan satu garis panduan bagi permohonan penilaian kertas cadangan berkaitan tuntutan terapeutik atau perubatan bagi apa-apa jenis amalan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) yang digunakan untuk merawat, mencegah, menyembuh, dan meringankan gejala penyakit. Pengamal atau individu yang berminat untuk membuktikan sesuatu kaedah rawatan PT&K bagi tujuan di atas dikehendaki untuk mengemukakan dokumen yang berkaitan untuk penilaian oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN BERKAITAN

Penilaian dokumen yang dikemukakan akan dilaksanakan berdasarkan keperluan undang-undang dan peraturan yang disenaraikan seperti berikut.

2.1 Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016

Suatu akta untuk mengawalselia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia. Perintah Perubatan Tradisional dan Komplementari (Bidang Amalan Diiktiraf) 2017 telah diwartakan. Pada masa ini, terdapat tujuh bidang amalan diiktiraf:

1. Perubatan Tradisional Melayu
2. Perubatan Tradisional Cina
3. Perubatan Tradisional India
4. Homeopati
5. Kiropraktik
6. Osteopati
7. Pengubatan Islam

2.2 Akta Racun 1952 dan Peraturan

Suatu akta untuk mengawalselia aktiviti pengimportan, pemilikan, pengilangan, pengkompaunan, penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan bahan racun.

2.3 Akta Peranti Perubatan 2012

Suatu akta untuk mengawalselia peranti perubatan, industri dan untuk mengadakan peruntukan berkaitan dengannya.

2.4 Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan Peraturan

Suatu akta yang menghalang pengiklanan yang berkaitan dengan hal-hal perubatan dan mengawalselia penjualan bahan-bahan yang disyorkan sebagai ubat.

3. DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen seperti berikut untuk penilaian oleh BPTK:


1. Borang Permohonan bagi Penilaian Kertas Cadangan (BPTK(AP)-BOR-01).
2. Kertas Cadangan bagi Amalan PT&K (Lampiran A).
3. Dokumen sokongan berkaitan rujukan yang disenaraikan di dalam kertas cadangan.
4. Sekiranya dokumen sokongan bukan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, dokumen asli berserta terjemahan yang disahkan hendaklah dikemukakan.
5. Bukti pendaftaran produk atau herba atau peranti perubatan yang digunakan dalam kertas cadangan dengan pihak berkuasa berkaitan.
6. Senarai Semak yang lengkap dan ditandatangani (BPTK(AP)-BOR-02).

4. PROSES PENILAIAN

Permohonan yang diterima akan melalui proses yang berikut:

1. Borang permohonan lengkap perlu dihantar melalui emel kepada tcm@moh.gov.my
2. Sila lengkapkan borang permohonan (BPTK(AP)-BOR-01) dan gunakan templat kertas cadangan (Lampiran A) sebagai panduan untuk mengemukakan kertas cadangan.
3. Pemohon akan diberikan maklum balas rasmi dalam masa 24 jam waktu bekerja bagi memperakui tarikh penerimaan dokumen lengkap.
4. Setiap kertas cadangan yang diterima akan diteliti dan dinilai berdasarkan pembuktian sedia ada bagi menyokong tuntutan yang disenaraikan di dalam kertas cadangan.

5. Semasa proses penilaian, BPTK akan memohon penjelasan lanjut atau dokumen tambahan daripada pemohon sekiranya perlu.
6. Pemohon akan diberikan maklum balas rasmi berkaitan hasil penilaian tersebut daripada BPTK.
7. Sebarang persoalan mengenai prosedur penilaian atau status penilaian boleh dimajukan kepada Cawangan Amalan PT&K melalui talian 03-2279 8100 atau emel tcm@moh.gov.my.



Rajah 1: Carta Alir Proses Penilaian

Garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis awal.